

Pembentukan Iman bagi lepasan Penguatan dan Persiapan untuk Penguatan Keuskupan Agung Kota Kinabalu

Mengapa Ia dianjurkan?

Sejak Komisi Kateketik Keuskupan Agung melawat dan menganjurkan program pembentukan para katekis di setiap paroki, maka inilah juga peluang dan kesempatan bagi Komisi Kateketik untuk dapat meninjau keadaan / realiti – masalah-masalah, cabaran-cabaran dan keperluan-keperluan komiti kateketikal di setiap paroki yang memerlukan tindakan oleh semua pihak. Melalui program pembentukan yang telah diadakan di paroki-paroki, maka jelaslah bahawa antara lain keperluan yang sering ditimbulkan oleh para katekis, ibu bapa serta para pelajar itu sendiri adalah agar suatu pembentukan yang berterusan bagi para lepasan Sakramen Penguatan dan semasa Penguatan (secara intensif) terus diadakan dari masa ke semasa. Tambahan pula sukatan pembelajaran mereka tidak dapat disempurnakan/ diselesaikan dalam jangka masa yang singkat. Selain daripada itu dalam peringkat ini juga para remaja/ belia juga menghadapi zaman globalisasi di mana dunia berubah begitu cepat sekali terutama dalam aspek teknologi, komunikasi, pelbagai bentuk hiburan dan dunia fesyen. Cara ini banyak mempengaruhi cara mereka berfikir dan bertindak. Dunia tanpa sempadan meletakkan manusia sebagai objek yang boleh dijual-beli tanpa nilai. Para remaja / belia tidak terkecuali dari keadaan ini malah mereka adalah sasaran atau mangsa sebenar kepada kesan negatif globalisasi ini, sehinggakan ada segelintir mereka hilang daripada Gereja.

Walaupun aktiviti-aktiviti kerohanian yang dianjurkan oleh Komiti Kateketikal di peringkat paroki diadakan dari masa ke semasa, namun tidak ia tidaklah mencukupi. Dengan keperluan yang mendesak ini maka Komisi Kateketik telah menyusun program ini untuk untuk memenuhi permintaan para pembimbing, ibu bapa, pelajar, paderi serta nasihat daripada Uskup Agung Kota Kinabalu yang inginkan umat Allah matang dalam iman dan terus setia kepada Gereja.

Oleh itu harapan Komisi agar melalui program ini akan dapat membantu para peserta di dalam menghidupi iman mereka sehari-hari (mengintegrasikan iman dan hidup mereka), pelayanan serta misi mereka dengan lebih mendalam agar mereka akan menjadi murid dan saksi Yesus yang setia serta menjadi pemimpin yang bertanggungjawab. Keberjayaan program ini adalah bergantung kepada kerjasama oleh semua pihak dan kumpulan-kumpulan di Paroki.

Objektif

- i) Membantu mencapai kematangan/ kedewasaan dan keseimbangan iman, dan untuk membuat keputusan yang betul dalam hidup;
- ii) Membantu lebih menyedari bahawa hidup kekudusan adalah panggilan untuk semua insan;
- iii) Mewujudkan persahabatan di antara sesama peserta daripada paroki yang lain dan
- iv) Menyedari bahawa mereka adalah saksi-saksi Kristus yang berani dan generasi yang bertanggungjawab

Matlamat: Adalah diharapkan agar melalui program ini dapat membantu para peserta lebih menyedari bahawa mereka dipanggil untuk hidup dalam kekudusan dan berani bersaksi untuk Kristus.

- **Peserta Sasaran:** Lepas Penguatan, Penguatan serta mereka yang telah dibaptis melalui proses IKD
- Para peserta dikehendaki menginap sepanjang program ini. Segala keperluan perbelanjaan dalam seminar ini adalah tanggungan sendiri.
- Keperluan yang perlu dibawa: Alkitab, alat tulis, baju senam, keperluan peribadi
- Sesi akan disampaikan melalui: Perkongsian / sesi ceramah / menonton CD / permainan / aktiviti.

Publisiti: Komiti Kateketikal Paroki dan Catholic Sabah

Tempat: Pace Bene, FSIC Center, Purak Papar

Tarikh: 12hb-14hb Jun 2009

Masa: 2 Hari : Jumaat, Sabtu dan Ahad – masa cuti sekolah

Umur : 15 – 18 tahun

Penyertaan : 200 orang

Untuk Keterangan lanjut sila hubungi Pejabat Kateketikal Keuskupan Agung, Kota Kinabalu (Sr. Diana Eing / Sr. Dariah Ajap) Tel: 088-712297 / 715017.

PROGRAM

Jumaat (12/6/2009)

4.00 ptg	-	Ketibaan Pendaftaran
6.00 ptg	-	Doa petang / Misa
7.00 ptg	-	Makan Malam
8.00 mlm	-	Orientasi / suai kenal / pengenalan program
	-	Sesi I
10.00 mlm	-	Selamat Malam

Sabtu (13/6/2009)

6.00 pgi	-	Bangun Pagi / senaman robik
7.00 pgi	-	Doa/ pujian pagi
7.30 pgi	-	Sarapan Pagi
8.30 pgi	-	Sesi 2
10.00 pgi	-	Rehat / Minum Pagi
10.30 pgi	-	Sesi 3
12.30 t/hari	-	Makan Tengah Hari
1.30 ptg	-	Sesi 4
3.00 ptg	-	Rehat / Minum Petang
3.30 ptg	-	Sesi 5
5.00 ptg	-	Rehat / Persiapan Peribadi
6.00 ptg	-	Doa petang / Sunset Mass
7.00 mlm	-	makan Malam
8.00 mlm	-	Sesi 6
10.00 mlm	-	Selamat Malam

Ahad (14/6/2009)

6.00 pgi	-	Bangun Pagi
7.00 pgi	-	Doa Pagi
7.30 pgi	-	Sarapan Pagi
8.30 pgi	-	Sesi 7
10.00 pgi	-	Rehat / Minum Pagi
10.30 pgi	-	Sesi 8
12.30 T/hari	-	Makan Tengah hari
1.30 ptg	-	Sesi 9
	-	sharing, penilaian, dll??
3.00 ptg	-	Doa Penutup
4.00 ptg	-	Minum Petang
	-	Dijangka selesai.....